

Ahli tidak berkenan kritikan keterlaluan

Pemuda Umno kesal tetapi gembira Tun Dr M tetap setia

Oleh Azman Zakaria

KUALA LUMPUR: Pergerakan Pemuda Umno semalam memutuskan kritikan Tun Dr Mahathir Mohamad terhadap Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai keterlaluan, tidak adil dan tidak wajar serta boleh menimbulkan keadaan tidak selesa kepada ahli parti.

Keputusan itu dibuat sebulat suara dalam mesyuarat pergerakan berkenaan selama lebih tiga jam di ibu pejabat parti disini bagi membincangkan dengan hati terbuka, rasional dan secara panjang lebar mengenai kritikan Dr Mahathir.

Bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat itu, Ketua Pemuda Umno, Datuk Seri Hishammuddin Hussein berkata, pergerakan juga menyatakan sokongan tidak berbelah bagi kepada kepimpinan Abdullah.

"Pemuda Umno terima hakikat pandangan dan kritikan Tun (Dr Mahathir) tidak boleh dianggap sebagai kenyataan rakyat biasa. Apa juga pandangannya, membawa kesan dan implikasi kepada parti, kerajaan serta persepsi orang ramai.

"Kritikan itu menyentuh peribadi... tidak wajar dan mengecewakan tetapi kita gembira bila Tun nyatakan kesetiannya keada parti tidak berbelah bahagi dan tidak membenarkan dirinya diperalatkan," katanya.

Sementara itu, anak Dr Mahathir yang juga Exco Pemuda, Datuk Mukhriz Mahathir berkata, perbincangan berjalan secara rasional dengan ahli bebas mengeluarkan pendapat dan beliau bersetuju bahawa kritikan



KECEWA DAN KESAL: Hishammuddin (kanan) dan Naib Ketua Pemuda, Khairy Jamaluddin pada Mesyuarat Exco Pemuda UMNO di PWTC, Kuala Lumpur, semalam.

bapanya bersifat peribadi.

Katanya, beliau tidak tertekan dalam mesyuarat itu, malah seronok kerana ia berlangsung dalam semangat persaudaraan dan terbuka kerana isu pokok perbincangan adalah bagi mencari penyelesaian supaya Umno terus kuat.

Ditanya pandangan peribadinya mengenai kritikan balas pelbagai pihak terhadap Dr Mahathir, Mukhriz berkata, beliau kecewa kerana ada yang terlalu cepat mengkritik tetapi

"Tetapi.. kita gembira bila Tun nyatakan kesetiannya kepada parti dan tidak membenarkan diperalatkan"

Hishammuddin Hussein
Ketua Pemuda Umno

tidak menjawab isu yang dibangkitkan.

Sementara itu, Setiausaha Agung Kelab Setiausaha Politik Barisan Nasional (BN), Dr Abdul Razak Omar berkata, kelab yang bermesyuarat semalam mengambil ketetapan menyokong kepimpinan Abdullah.

Katanya, semua ahli kelab juga berdiri teguh mempertahankan tindakan yang diambil kerajaan sejajar dengan usaha mencapai matlamat Wawasan 2020.